

PERADUAN "Kasi Spin, Pasti Win!"

TERMA & SYARAT

Peraduan "**Kasi Spin, Pasti Win!**" ["Peraduan"] dianjurkan oleh Lotuss Stores (Malaysia) Sdn Bhd (No. Syarikat: 200001018812 (5291419-K)) ("Lotus's") ("Penganjur") dengan kolaborasi Payments Network Malaysia Sdn Bhd ("PayNet") (Company No.:200801035403 (836743-D)).

1. Peraduan ini terbuka kepada semua individu yang:
 - Membuat transaksi dengan perbelanjaan minima RM100 dalam satu resit menggunakan kad ATM MyDebit atau pembayaran DuitNow QR di cawangan Lotus's di seluruh Malaysia sepanjang Tempoh Peraduan ("**Peserta**")

Tempoh Peraduan

2. Kempen ini dilanjutkan sehingga 25 Februari 2026 **jam 11:59 Tengah Malam** (Waktu Malaysia) ("Tempoh Peraduan"). Sebarang penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.
3. Tempoh sah awal kempen ini dari **6 November 2025, jam 8:00 Pagi hingga 7 Januari 2026, jam 11:59 Tengah Malam** (Waktu Malaysia) ("Tempoh Peraduan").
4. Hanya transaksi yang dibuat di cawangan Lotus's di seluruh Malaysia akan diterima untuk Peraduan ini.
5. Jika ada sebab-sebab tertentu (dan tidak terhad kepada) Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang, contohnya, berlaku virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa kebenaran, penipuan, kegagalan teknikal, sebarang tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab lain di luar kawalan Penganjur, Penganjur berhak, mengikut budi bicaranya sendiri, untuk menamatkan, menangguhkan, mengubah suai, melanjutkan, atau menggantung Peraduan ini mengikut budi bicara mutlak.

Mekanik Peraduan

6. Untuk menyertai Peraduan, Peserta mesti:

- Membuat pembelian minima RM100 dalam satu (1) resit menggunakan kad ATM MyDebit atau pembayaran DuitNow QR di mana-mana cawangan Lotus's di seluruh Malaysia sepanjang Tempoh Peraduan.
- Ahli MyLotus's akan mendapat **DUA** (2x) pusingan roda sepanjang tempoh kempen.

7. Hantar resit pembelian dengan **SALAH SATU** kaedah berikut:

- Imbas Kod QR yang disediakan di stor Lotus's atau klik ikon kempen dalam Aplikasi My Lotus's
- Untuk memastikan penyertaan dianggap sah, Peserta hendaklah menghantar penyertaan dengan gambar resit yang jelas bersama maklumat berikut:
 - Gambar resit pembelian yang lengkap dan jelas sebagai Bukti Pembelian
 - SIMPAN: BUKTI PEMBELIAN (asli)



8. Selepas pendaftaran yang berjaya, Peserta akan menerima pautan kempen melalui aplikasi WhatsApp untuk mengakses permainan putar roda dan klik pusing untuk bermain.
9. eBaucar akan diberikan dalam tempoh 1 hari dan akan dihantar kepada pelanggan melalui WhatsApp.
10. Peserta yang tidak berdaftar sebagai Ahli My Lotus's hanya akan layak menerima **SATU** (1) kali pusingan roda bagi setiap penyertaan yang sah.
11. Semua penyertaan yang dibuat melalui Lotus's Shop Online (LSO) adalah tidak sah dan tidak akan diterima sebagai penyertaan yang layak dalam peraduan ini. Hanya pembelian yang dibuat di cawangan fizikal Lotus's di seluruh Malaysia akan diiktiraf.
12. Semua pembayaran yang dibuat melalui Komunikasi Medan Dekat (Near Field Communication, NFC) di mana-mana cawangan Lotus's di seluruh Malaysia sepanjang tempoh peraduan tidak akan diterima sebagai penyertaan yang layak (contohnya: Apple Pay, Samsung Pay, Google Pay, Huawei Pay).
13. Setiap nombor telefon yang digunakan untuk tujuan pendaftaran penyertaan adalah terhad kepada maksimum enam belas (16) penyerahan resit sahaja sepanjang Tempoh Kempen. Sebarang penyertaan tambahan yang melebihi had tersebut tidak akan diproses dan dianggap batal.
14. Penganjur, mengikut budi bicaranya sendiri, boleh membuang dan/atau membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan jika didapati atau disyaki menipu/menggodam/mengubah proses penyerahan Peraduan, pengendalian Peraduan ini atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan.

Hadiah

15. Jumlah keseluruhan hadiah yang ditawarkan dalam bentuk eBaucar Lotus's adalah sehingga RM462,000 sepanjang Tempoh Peraduan.

16. eBaucar akan diberikan kepada peserta yang layak secara rawak mengikut denominasi yang telah ditetapkan oleh Penganjur seperti berikut:

- RM3 eBaucar
- RM5 eBaucar
- RM10 eBaucar
- RM20 eBaucar



17. eBaucar Lotus's ini boleh digunakan sebagai pengganti kepada nilai wang tunai bersamaan untuk tujuan pembelian barangan di mana-mana cawangan Lotus's.

18. eBaucar ini adalah tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus semula (iaitu tidak boleh dikembalikan untuk wang tunai atau baucar baharu).

19. Sekiranya nilai pembelian adalah kurang daripada nilai e-Baucar, tiada wang baki atau kredit gantian akan diberikan.

20. eBaucar ini boleh digunakan bersama dengan kaedah pembayaran lain yang sah seperti wang tunai (legal tender), kad kredit, atau kad debit.

21. eBaucar ini hanya sah sehingga tarikh luput yang telah ditetapkan.
22. Tiada lanjutan masa atau pembaharuan akan diberikan untuk eBaucar.
23. Setiap eBaucar hanya sah untuk satu (1) transaksi penebusan sahaja dan tidak boleh digunakan berulang kali.
24. Semua eBaucar tidak sah digunakan di Medan Selera (Food Court) atau mana-mana premis perniagaan yang tidak dikendalikan secara langsung oleh Lotus's Malaysia.
25. Lotuss Stores (Malaysia) Sdn Bhd berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk meminda, menukar atau menambah mana-mana terma dan syarat eBaucar ini tanpa sebarang notis awal kepada peserta.
26. Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai (jika ada). Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai mengikut budi bicara mutlaknyanya.
27. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, PayNet, agensi, sekutu, penaja, dan wakil mereka tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecacatan atau penyalahgunaan hadiah, atau untuk sebarang tuntutan, liabiliti, kerugian, atau kerosakan yang berkaitan dengan Peraduan ini.
28. Imej hadiah yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan promosi, iklan, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan hadiah sebenar.
29. Hadiah adalah tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkenaan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, PayNet dan ejennya tidak bertanggungjawab untuk semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan pada butiran hadiah atau sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah Penganjur serta PayNet dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.

Hak Penganjur

30. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan hak kepada Penganjur untuk menggunakan sebarang foto dan/atau bahan lain yang diterima semasa Peraduan (termasuk nama Peserta, alamat e-mel, nombor telefon, foto, dsb.) untuk tujuan Peraduan dan pengiklanan, pemasaran dan tujuan komunikasi oleh Penganjur tanpa pampasan kepada Peserta, waris atau penerima serahannya, atau mana-mana entiti lain.
31. Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat Peraduan pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya tanpa notis terlebih dahulu.
32. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, sebarang perintah atau peraturan lain Peraduan seperti yang dinyatakan di <https://corp.lotuss.com.my/for-you/campaigns/kasi-win-pasti-win> juga akan mengikat semua Peserta dalam penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
33. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan sebarang terma yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi untuk Peraduan ini, terma yang terkandung di <https://corp.lotuss.com.my/for-you/campaigns/kasi-win-pasti-win> akan diguna pakai.
34. Jika terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan versi bahasa Melayu, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.
35. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain, yuran dan/atau sebarang jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, mengambil bahagian atau menerima sebarang faedah atau hadiah daripada Peraduan) adalah tanggungjawab Peserta/pemenang sepenuhnya. Penganjur, PayNet, sekutunya atau ejen yang diberi kuasa tidak akan bertanggungjawab apa-apa pun ke atas kos/caj/yuran/perbelanjaan tersebut.

36. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, PayNet, sekutunya atau pihak ketiga yang diberi kuasa tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk sebarang penyertaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada hilang, rosak, tertangguh atau sebarang ralat teknikal.
37. Penganjur ingin mengingatkan Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah apabila menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan/atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihati Peserta kami yang dihargai untuk menghubungi Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan.

Liabiliti dan Tanggungjawab

38. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Peserta dan pemenang akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab penuh yang disebabkan kecuaiian atau keingkaran yang disengajakan kerana penyertaan mereka dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah, Peserta dan pemenang bersetuju untuk melepaskan Penganjur, PayNet dan agensinya daripada sebarang tuntutan apa pun daripada liabiliti tersebut.
39. Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, dalam apa jua keadaan Penganjur, PayNet atau mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk, mana-mana agensi pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul akibat kecuaiian atau keingkaran yang disengajakan oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini.
40. Pemenang hendaklah bertanggungjawab mematuhi semua perundangan atau peraturan dan untuk pembayaran semua cukai yang Pemenang harus penuhi termasuklah semua implikasi percukaian Hadiah Peraduan serta mengambil semua nasihat percukaian yang sesuai. Jika hadiah digunakan sebagai Manfaat Berupa Barangan, liabiliti cukai peribadi mungkin perlu dibayar oleh Pemenang. Lotus's tidak

akan bertanggungjawab untuk menanggung sebarang caj cukai yang dikenakan ke atas Hadiah yang dimenangi Pemenang.

41. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi semua Terma & Syarat Peraduan ini dan semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur.
42. Terma dan Syarat ini dikawal oleh undang-undang Malaysia dan di bawah bidang kuasa mahkamah Malaysia.

Notis Privasi

43. Dengan menyertai Peraduan, Peserta memberikan persetujuan mereka dan membenarkan Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka dan butiran peribadi lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Peraduan, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengumumkan dan menerbitkan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
44. Dengan menyertai Peraduan, Peserta juga memberikan persetujuan mereka dan membenarkan Penganjur menggunakan perkhidmatan pihak ketiga untuk memproses Data Peribadi Peserta. Semua pihak ketiga tersebut diwajibkan secara kontrak, untuk tidak menggunakan Data Peribadi Peserta dengan cara selain daripada yang dinyatakan di sini.
45. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a) Hak untuk menarik balik persetujuan untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di butiran hubungan yang dinyatakan di bawah dengan memberikan Penganjur nama dan alamat e-mel Peserta untuk pengalihan Data Peribadi tersebut;
 - b) Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dipegang oleh Penganjur; dan

- c) Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
 - d) Peserta boleh merujuk laman web Penganjur di <https://corp.lotuss.com.my/for-you/campaigns/kasi-win-pasti-win> atau emel khidmat pelanggan rakan pengurusan peraduan Lotus, J&C di support@jcpacific.com.my atau WhatsApp di 011-6974 3949 dari **Isnin hingga Ahad, 8.00 pagi – 10.00 malam**.
46. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan Data Peribadi Peserta selamat dan memerlukan pemproses pihak ketiga untuk menguruskan peraduan. Walau bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
47. Sebarang perkara berkaitan Data Peribadi yang berkaitan dengan Peraduan ini hendaklah dikawal oleh dan ditangani dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan di Malaysia.